

# Konsep islah pemacu rakyat bangkit segera jadi bangsa maju

- Islah adalah perubahan atau anjakan paradigma perlu dilakukan seluruh rakyat Malaysia supaya sesuatu lebih baik berjaya dicapai

- Perubahan ke arah lebih baik perlu dimulakan sekarang, pada saat ini oleh setiap warganegara Malaysia

Oleh Prof Madya Dr. Ratna Roshida Ab Razak  
bhrencana@bh.com.my

**Datuk** Seri Anwar Ibrahim ketika perhimpunan bulanan pertama beliau sebagai Perdana Menteri bersama warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) menyeru seluruh kakitangan kerajaan supaya bersama-sama membawa negara ke arah pemulihan melalui semangat atau nilai 'islah'.

Perkataan islah berasal daripada perkataan bahasa Arab biasanya diterjemahkan sebagai 'pembaharuan', dalam erti kata usaha untuk memperbaiki, menjadi lebih baik, meletakkan sesuatu ke dalam kedudukan lebih baik, membetulkan se-

suatu, mengolah semula dan memulihkan untuk kembali kepada lebih baik.

Perkataan berlawanan bagi islah ialah kemusnahan atau fasad. Islah juga meliputi aspek mencegah kemusnahan atau untuk memulihkan atau membaiki sesuatu yang runtuh atau rosak.

Dalam *Mu'jam Muyassar* tulisan Al-Nahwiyy, islah diertikan sebagai membaiki kerosakan atau menghapuskan permusuhan dan perpecahan dalam kalangan rakyat atau untuk memperbaiki sesuatu.

Dalam al-Quran, perkataan islah banyak digunakan bagi semua aspek kehidupan manusia dengan satu tujuan iaitu menambah baik keadaan. Islah juga elemen terpenting bagi mencapai ihsan.

Islah merangkumi makna lebih luas, termasuk membuat sesuatu yang baik, betul, munasabah dengan kedudukan betul, tersusun dan usaha kembali kepada yang layak, membetulkan, memperbaiki atau membuat lebih baik dalam setiap aspek kehidupan.

Konsep islah secara teknikal bermaksud usaha membaiki keadaan manusia berusaha mencapai tahap kehidupan lebih baik. Dengan kata lain, islah ialah perubahan atau anjakan paradigma perlu dilakukan seluruh rakyat Malaysia supaya sesuatu lebih baik berjaya dicapai.

Ia meliputi semua aspek kehidupan manusia bermula dengan diri sendiri, sosial, pendidikan, ekonomi dan politik, termasuk tanggungjawab terhadap alam sekitar. Islah kebiasaannya digandingkan dengan 'tajdid' membawa maksud pembaharuan. Islah (penambahbaikan) dan tajdid (pembaharuan) pada asasnya adalah seruan agama bertujuan mengembalikan kehidupan umat Islam dalam semua aspek supaya berada di landasan betul.

Bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, islah dapat dijadikan nilai boleh dikongsi bersama supaya pada akhirnya sesuatu lebih baik berjaya dicapai.

Perkara asas untuk sesuatu penambahbaikan

atau pembaharuan ialah perubahan cara berfikir mengenai apa yang hendak dicapai dalam hidup. Dengan kata mudah, selagi manusia tidak berusaha mengubah diri, selagi itu keberhasilan sukar dicapai. Perlu diingatkan pembentukan cara berfikir diterjemahkan dengan perbuatan menjadi amalan dan akhirnya menjadi budaya adalah usaha yang mengambil masa lama.

Dengan keazaman kuat, tempoh keberhasilan boleh disingkatkan. Walau apa pun, islah atau perubahan ke arah lebih baik perlu dimulakan sekarang oleh setiap warganegara Malaysia.

## Toleransi tak 'cairkan' bangsa Melayu

Jika disingkap bagaimana penganut fahaman Bushido di Jepun, Hwarang di Korea Selatan dan Jinsheng di Taiwan bangkit menjadi bangsa maju dalam tempoh begitu singkat, ternyata mereka menguasai ilmu dan diterjemahkan pula dengan penghayatan nilai murni seperti tahap integriti dan daya juang tinggi, di samping tegas dalam bertindak.

Perkara sama juga dilihat amat perlu untuk memastikan kesepaduan sosial di Malaysia berada dalam keadaan sejahtera. Dalam hal ini semangat tolak ansur lebih teronjol dalam bangsa Melayu.

Untuk memastikan sifat tolak ansur dan toleransi ini akhirnya tidak 'mencairkan' bangsa Melayu itu sendiri, kekuatan dan ketegasan amat perlu untuk dimiliki.

Tiada yang menafikan isu kemiskinan masih menebal dalam masyarakat kita, khususnya miskin dari segi kewangan dan pemilikan harta. Sesetengah pihak beranggapan faktor wang ringgit inilah menyebabkan seseorang mundur. Kemiskinan bukan terletak kepada keupayaan memiliki wang atau harta benda, namun lebih kepada pemilikan jiwa hebat berasaskan nilai murni tinggi.

Memang benar kemiskinan harta boleh menjadi rintangan, tetapi bukan penghalang sebenar. Jika ditelusuri kalangan mereka yang berjaya, ramai bermula dengan kesusahan. Namun, mereka berjaya kerana dapat menjadikan pengalaman kesu-

sahan sebagai pendorong untuk bangkit dan mencipta kejayaan.

Kemiskinan material hanya bersifat sementara namun kemiskinan jiwa menjadikan seseorang itu terus kekal miskin jiwa dan material selamanya.

Justeru, rakyat Malaysia, khususnya bangsa Melayu perlu meruntuhkan tembok kemiskinan jiwa yang masih menghalang mereka untuk bergerak maju, seiring dengan bangsa lain.

Kemiskinan jiwa biasanya didasari perasaan malas. Hal ini termasuk malas berfikir, berusaha, belajar dan membaca, bersifat negatif dalam banyak perkara, tidak jelas tujuan hidup dan tiada.

Perkara ini juga boleh membawa kepada sejarah awal tanah air untuk memahami alasan kenapa British membawa masuk pekerja dari China dan India untuk mengusahakan pelbagai hasil bumi Tanah Melayu yang akhirnya membawa kesan besar terutama dalam aspek pemilikan harta dan kekayaan.

Namun sebagai bangsa berjiwa besar, terutama pada alaf ke-21, apa juga diperkatakan, yang penting adalah usaha untuk membuktikan perkara negatif yang difikirkan atau anggapan mereka itu tidak tepat sama sekali. Rakyat Malaysia, terutama bangsa Melayu dahulu tidak sama dengan Melayu hari ini. Bangsa Melayu hari ini mampu memiliki kekuatan dan kekayaan jiwa disertai dengan kekuatan daya juang.

Dengan berbekalkan cara berfikir baharu, meletakkan usaha bersungguh-sungguh dalam semua aspek kehidupan sebagai perkara utama, rakyat Malaysia mampu untuk maju biarpun pelbagai cabaran mendatang.

Maka tepatlah apabila Perdana Menteri, Datuk Sri Anwar Ibrahim meletakkan islah sebagai asas dalam agenda pembangunan pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15).

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Pensyarah Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM)